

16 AUG 2002

Mahathir-Tiba

PERDANA MENTERI TIBA DI TERENGGANU BAGI UNTUK LAWATAN SEHARI

KUALA TERENGGANU, 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan terbang Sultan Mahmud di sini untuk lawatan sehari ke Terengganu.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pada pukul 8.58 pagi disambut kira-kira 5,000 orang, termasuk pemimpin Barisan Nasional (BN), tokoh masyarakat dan ketua jabatan kerajaan.

Yang turut hadir ialah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaacob, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh serta Pengerusi Perhubungan MCA Negeri, Datuk Lau Yin Pin.

Dr Mahathir kemudiannya berlepas ke Sekolah Menengan Tun Telenai, Marang untuk merasmikan Konvensyen sehari BN Terengganu.

Perdana Menteri kemudiannya akan menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat di sebuah hotel terkemuka di sini pada tengah hari.

Perdana Menteri kemudian akan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Losong Haji Mat Shafie, di sini.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah pula mempunyai atur cara berasingan iaitu perjumpaan bersama anggota Persatuan Seri Kandi di sini.

Selepas menunaikan sembahyang Jumaat, Dr Mahathir akan berlepas ke Kampung Tok Jembal, Seberang Takir di sini untuk merasmikan majlis penyerahan kunci dan surat tawaran projek rumah keluarga nelayan.

Seramai 200 nelayan akan menerima tawaran pinjaman bagi membeli rumah yang berkeluasan 1,000 kaki persegi itu dengan tempoh bayaran balik selama 30 tahun dengan bayaran RM100 sebulan.

Bagi rumah berkeluasan 700 kaki persegi pula, pembeli hanya membayar ansuran bulanan RM70 selama 30 tahun.

Perdana Menteri dan isteri dijadual pulang ke ibu negara pada sebelah petang.

-- BERNAMA

MRA LAT